

01 AUG 2001

Abdullah-Meritokrasi

KABINET SOKONG DASAR MERITOKRASI

KUALA LUMPUR, 1 Ogos (Bernama) -- Kabinet hari ini menyokong cadangan agar dasar meritokrasi dilaksanakan bagi menentukan kemasukan pelajar ke universiti awam, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Beliau berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah menerangkan pada mesyuarat jemaah kabinet itu mengenai kenyataan beliau berhubung dasar meritokrasi dan semua menteri memberi sokongan sepenuhnya setelah isu itu diterangkan dengan jelas.

"Jemaah Menteri memberi sokongan sepenuhnya terhadap apa juga tindakan yang akan diambil untuk memastikan masalah kelemahan pelajar Melayu dalam bidang pendidikan diatasi," katanya kepada pemberita di lobi Parlimen.

Beliau diminta mengulas saranan Pemuda Umno supaya Dr Mahathir menimbang semula cadangan untuk melaksanakan dasar meritokrasi itu.

Jumaat lepas, Perdana Menteri mengumumkan cadangan untuk mengambil tindakan radikal bagi menangani masalah pelajar Bumiputera yang tidak mengambil berat tentang pelajaran mereka, termasuk kemungkinan melaksanakan dasar meritokrasi bagi kemasukan ke universiti.

Jika dasar meritokrasi dilaksanakan, kemasukan pelajar ke universiti awam berasaskan kepada kelayakan dan bukannya kuota untuk kaum.

Abdullah berkata cadangan sistem meritokrasi itu akan diperjelaskan secara terperinci sebelum ianya dilaksanakan dan kerajaan mungkin mengambil pendekatan lain bagi mengatasi masalah kemerosotan pelajar Bumiputera dalam bidang pendidikan.

Abdullah yang juga Timbalan Presiden Umno berkata mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan parti itu petang tadi bersetuju supaya satu perjumpaan khas diadakan oleh ibu pejabat Umno bagi menerangkan secara terperinci kepada semua anggota dan pemimpin bahagian mengenai dasar meritokrasi itu.

Beliau berkata perjumpaan itu akan diadakan secepat mungkin kerana ramai anggota Umno ingin mengetahui lebih lanjut mengenai dasar cadangan itu serta juga tindakan yang akan diambil oleh kerajaan bagi mengatasi masalah tahap pendidikan pelajar Bumiputera yang tidak memuaskan.

"Perdana Menteri dan semua pemimpin Umno tidak berpuas hati dengan tahap prestasi pelajar Melayu dalam bidang pendidikan dan sekiranya prestasi anak-anak Melayu lemah, sukar bagi bangsa Melayu menghadapi keadaan global yang mencabar pada masa hadapan," katanya.

"Tambahan pula kita tahu ekonomi akan datang akan memberi tumpuan lebih kepada pengetahuan seperti K-Ekonomi, yang semuanya memerlukan bangsa Melayu mempunyai tenaga kerja yang berkeupayaan untuk bersaing.

"Wajar bagi Umno yang melihat keadaan ini untuk ambil sesuatu (tindakan) kerana Umno berpendapat maju mundurnya bangsa Melayu, hina mulianya bangsa Melayu, bergantung kepada tahap kejayaannya dalam bidang ilmu pengetahuan," katanya.

Mengulas mengenai langkah Pas untuk mengadakan ceramah umum walaupun ia terlarang, Abdullah yang juga Menteri Dalam Negeri berkata parti pembangkang itu harus akur dengan arahan polis.

"Tak bolehlah...salah, kalau kerajaan dah buat keputusan dan pihak polis dah buat keputusan, maka menjadi tanggungjawab pihak kerajaan dengan tegasnya menguatkuasakan peraturan ini," katanya.

Mengenai tindakan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) mengedar risalah menuntut pembentangan rang undang-undang untuk memansuhkan Akta Keselamatan

Dalam Negeri (ISA) di lobi Parlimen tengah hari tadi, Abdullah berkata ia tidak sepatutnya berlaku.

"Kita tak tahu macam mana mereka boleh masuk dan ambil tindakan macam itu, ini tak sepatutnya berlaku," katanya.

Kira-kira 40 orang dari kumpulan yang menamakan diri mereka Gerakan Mansuhkan ISA menyerahkan lampiran rang undang-undang kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Rais Yatim, anggota parti pembangkang dan anggota kelab penyokong kerajaan supaya ia dibentangkan di Dewan Rakyat.

-- BERNAMA

ZAI ZAI MAI